

Perspektif Pihak Pengurusan dan Pengguna Tentang Sistem E-Ease Order dari Aspek Kos, Kualiti dan Masa di dalam melancarkan Sistem Pengurusan Kontrak

Samsul Abd. Rashid *, Mohd Hafize Arifin, Emyzatul Najlaa Roslin

Kolej Komuniti Nibong Tebal, Simpang Ampat Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang, Malaysia.

ABSTRAK

Sistem E-Ease Order merupakan sistem yang digunakan untuk memantau pengurusan kontrak pembekalan bahan mentah makanan terutama untuk sekolah-sekolah, kolej komuniti dan juga insituti pengajian yang menawarkan kursus berkaitan dengan penyediaan makanan. Permasalahan yang berlaku adalah berlakunya lebihan dalam membuat pesanan bekalan, kesukaran dalam pengawalan kadar pembelanjaan yang dibuat disebabkan oleh kepelbagaian nilai unit pengukuran sesuatu bahan yang sukar dibuat ketetapan penghantaran, kesukaran untuk menentukan keperluan sebenar setiap bahan yang dipesan, kelewatan membuat pesanan disebabkan oleh proses yang rumit serta keperluan kepada pengawalan perbelanjaan kewangan. Kajian ini dibuat adalah untuk mengetahui keberkesanan sistem yang dibangunkan bagi penyelesaian masalah tersebut dari aspek masa, kualiti dan kos melalui kajian kes dan kaedah SWOT analisis. Hasil daripada kajian ini ia dapat membantu di dalam menilai keberkesanan sistem yang dibangunkan dan dapat diaplikasikan dengan lebih meluas lagi samaada di peringkat sekolah atau institusi pendidikan yang lain yang melaksanakan perolehan bekalan atau perkhidmatan yang melibatkan item yang banyak.

PENGENALAN

Pengurusan berkesan adalah merupakan aspek yang sangat penting bagi setiap aktiviti yang dijalankan samaada berskala besar atau kecil. Ini kerana ia mempunyai perkaitan dengan individu atau pihak yang melaksanakan aktiviti tersebut dan objektif yang ingin dicapai. Persoalan apakah itu pengurusan bukanlah satu perkara yang mudah untuk dihuraikan. Ini kerana ia boleh ditafsirkan dan difahami dalam pelbagai bentuk dan bergantung kepada jenis aktiviti yang dilaksanakan. Pakar bahagian pengurusan, Oldcorn (1988) menghuraikan pengurusan sebagai cara membentuk peluang kepada organisasi supaya dapat berfungsi dengan cekap dan berkesan. Manakala Aizzat et al. (2006), merujuk pengurusan kepada proses pencapaian matlamat mengikut cara yang berkesan dan cekap.

Pengurusan kontrak adalah sebahagian aktiviti pengurusan. Ia adalah merupakan aktiviti yang selalu diuruskan oleh sesebuah organisasi samaada organisasi awam atau swasta. Pengurusan kontrak adalah merupakan pengurusan yang lebih spesifik dan berperingkat. Peringkat yang paling kritikal ia peringkat pelaksanaan. Ini kerana ia perlu menterjemahkan apa yang termaktub di dalam perjanjian kepada realiti dan terikat dengan perundangan. Keberkesanan pengurusan kontrak adalah sangat penting kerana ia melibatkan pihak ketiga yang tidak mempunyai kepentingan dalam organisasi berkaitan dan jika ia tidak diurus dengan baik boleh menyebabkan organisasi itu gagal serta boleh dikenakan tindakan undang-undang.

Menurut Chin dan Shakina (2017) pengurusan kontrak adalah pengurusan yang merujuk kepada undang-undang kontrak yang dipersetujui bersama demi melindungi kepentingan

*Koresponden: samsulkknt2018@gmail.com

pihak-pihak berkontrak. Pihak-pihak berkontrak terikat kepada isi kandungan kontrak atau perjanjian untuk pelaksanaan di peringkat seterusnya sama ada berbentuk perkhidmatan atau penyediaan peralatan. Kontrak pula boleh dipecahkan kepada kontrak jangka panjang atau jangka pendek. Kontrak jangka panjang adalah melibatkan nilai yang lebih tinggi berbanding kontrak jangka pendek. Selain daripada itu, tempoh keterikatan juga berbeza. Bentuk pengiklanan juga berbeza samaada berbentuk tender atau sebutharga.

Permasalahan akan timbul apabila berlakunya perlanggaran kontrak atau pelaksanaan yang tidak menepati apa yang digariskan dalam perjanjian. Pihak-pihak berkontrak adalah terikat pada apa yang dipersetujui dan tertera dalam kontrak untuk mendapatkan tebus rugi atau tuntutan. Walaupun undang-undang kontrak memperuntukkan remedi bagi isu-isu perlanggaran kontrak, namun ia belum tentu memberi kepuasan hati kepada pihak yang menuntut. Keadaan ini telah menyebabkan remedi tidak boleh berfungsi dalam menjamin kepentingan pihak yang membuat tuntutan atau pengadu.

Menurut Chin dan Shakina (2017) yang merujuk teori remedi Fuller dan Perdue (Fuller & Perdue 1936) yang mana ia menyatakan bahawa undang-undang kontrak sering dikaitkan dengan remedi yang mana ia berfungsi untuk melindungi kepentingan pihak-pihak berkontrak dengan pengamalan prinsip undang-undang kontrak yang termaktub di dalam dokumen perjanjian. Selalunya kontrak dilaksanakan secara jangka panjang atau jangka pendek. Setiap bentuk kontrak yang dipilih mempunyai kelebihan-kelebihan yang tertentu. Kontrak berbentuk jangka pendek biasanya dikenali sebagai kontrak berbentuk sebutharga di mana nilai kontrak adalah bernilai lebih rendah berbanding kontrak jangka panjang iaitu RM500 ribu ke bawah. Namun begitu kadar maksimum sesuatu harga kontrak itu adalah tertakluk kepada perubahan klausa yang ditetapkan oleh pihak berkuasa atau kerajaan. Ia juga dipecahkan mengikut kategori pembelian terus, A, B dan tender (MPC, 2018)

Penyataan Masalah

Salah satu kontrak atau sebutharga yang biasa dilaksanakan oleh pihak kerajaan yang mempunyai kesukaran di dalam pelaksanaan adalah kontrak pembekalan bahan mentah dan bahan kering untuk pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran. Ini adalah kerana barangan tersebut adalah mempunyai tarikh luput yang pendek, ukuran unit kuantiti yang digunakan dalam menu berbeza dengan ketetapan kontrak (ekor, biji dan lain lain), pelbagai jenama, pelbagai gred, harga yang tidak tetap dalam pasaran, item sukar diperolehi dan item sukar dinilai dari segi setaraan.

Permasalahan dari aspek pengurusan pula adalah meliputi proses membuat pesanan barangan yang melibatkan item yang banyak, penyelarasan penerimaan barangan dengan ketetapan kontrak, penyemak kuantiti terimaan dengan peruntukkan kontrak, penyemak kos dengan ketetapan kontrak dan penyemak keperluan sebenar kuantiti item yang di pesan. Oleh itu dengan adanya sistem ini ia dapat membantu di dalam menentukan keperluan sebenar setiap item yang akan digunakan untuk proses pengajaran dan pembelajaran tanpa berlakunya pembaziran, lebihan item dan pesanan item yang tidak diperlukan untuk proses pengajaran dan pembelajaran.

Ini secara tidak langsung dapat membantu di dalam menjimatkan kos kontrak seterusnya dapat membantu mengenalpastikan kos kontrak sebenar yang diperlukan selari dengan keperluan pengajaran dan pembelajaran. Selain daripada itu, sistem ini juga membantu mempercepatkan proses membuat pesanan item yang diperlukan di mana pengguna tidak lagi perlu menyemak senarai item yang terdapat di dalam kontrak dan juga mencatat semula item dalam borang pesanan. Ini kerana melalui sistem ini, item tersebut akan dijana secara automatik di dalam borang pesanan dengan memasukkan kod item barang seterusnya boleh dihantar terus kepada

pembekal. Oleh itu proses membuat pesanan dapat dipercepatkan dan tepat, kerana item dan unit yang digunapakai adalah sama seperti yang digariskan dalam dokumen kontrak atau sebutharga. Seterusnya sistem ini juga dapat membantu kearah pencapaian penjimatan kos yang sangat dititikberatkan dalam pengurusan kewangan terutama pencapaian Key Performance Indicator (KPI) Lean Management

Latar Belakang Masalah

Bagi kontrak pembekalan bahan mentah dan bahan kering kerajaan untuk kursus kulineri adalah melibatkan ratusan item yang perlu dibekalkan (300 hingga 500 item). Begitu juga dengan barangan yang berkaitan dengan kursus pastri. Nilai kontrak pula adalah sebutharga B iaitu RM 500 ke bawah. Jadual 1. dibawah adalah merupakan kategori perolehan bekalan atau perkhidmatan yang dibuat dalam bentuk kontrak atau sebutharga yang dilaksanakan di sektor kerajaan. Terdapat juga pelaksanaan dalam bentuk tender kerajaan.

Jadual 1 Kategori Perolehan Bekalan/ Perkhidmatan Kerajaan

Kategori	Penerangan
Pembelian Terus	<ul style="list-style-type: none"> • Perolehan terus di bawah RM 20,000 • Perbandingan 3 Sebut Harga
Sebutharga B	<ul style="list-style-type: none"> • Nilai RM 20,000 hingga RM 50,000 • Menggunapakai kriteria tertentu • Kertas Jawatankuasa Penilaian Harga (JPH) • Keputusan Melalui Mesyuarat Sebut Harga B
Sebutharga A	<ul style="list-style-type: none"> • Nilai RM 50,000 hingga RM 500,000 • Pelawaan kepada Min. 5 pembekal berdaftar dengan MOF • Kertas Jawatankuasa Penilaian Harga (JPH) • Iklan Jemputan dibuka min. 7 hari • Keputusan melalui Mesyuarat Sebut Harga A
Tender	<ul style="list-style-type: none"> • Nilai 500 ribu hingga RM 20 juta • Tender terbuka dan pelawaan kepada min 5 pembekal berdaftar dengan Ministry of Finance MOF • Kertas Jawatankuasa Penilaian Harga (JPH) • Iklan jemputan pembekal dibuka min. 21 hari • Keputusan melalui mesyuarat Lembaga Perolehan B

Sumber: Pekeliling Perbendaharaan Bil 5, 2009, Malaysian Productivity Centre, 2018

Pembekalan item adalah dibuat mengikut mingguan dan selari dengan silibus yang ditetapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu pesanan perlulah dibuat dengan segera, tepat dan berkaitan dengan perancangan proses pengajaran dan pembelajaran. Permasalahan yang timbul adalah di peringkat pelaksanaan iaitu setelah sebut harga diluluskan.

Permasalahan yang berlaku adalah kelewatan membuat pesanan disebabkan oleh kesukaran untuk menyenaraikan barangan yang ingin dibuat pesanan, penghantaran bekalan yang tidak sama dengan nilai unit kuantiti yang ditetapkan dalam kontrak bagi penentuan kadar bayaran yang perlu dibuat, kekangan maklumat terkini berkaitan dengan item yang dibekalkan berbanding dengan stok yang diperuntukkan dalam kontrak dan kedudukan semasa kewangan berbanding dengan harga keseluruhan kontrak yang diluluskan bagi kerja-kerja penyemakan oleh pihak pengurusan dan pentadbiran.


Keadaan ini memberikan kekangan kepada pihak tenaga pengajar di dalam membuat pesanan serta kesukran kepada pihak pengurusan dan pentadbiran di dalam membuat pemantauan pelaksanaan sebutharga terutama aspek kewangan dan kedudukan semasa kuantiti item yang

telah diterima dan yang belum dibekalkan. Ia bertujuan bagi mengelakkan berlakunya lebih perbelanjaan dan lebih perolehan dibuat. Ini mengakibatkan berlakunya keterikatan yang berterusan antara jabatan kerajaan berkenaan dengan pihak pembekal walaupun terdapat sistem remedi yang boleh menamatkan perkhidmatan pembekal tersebut yang diteraskan kepada kualiti perkhidmatan yang dibekalkan serta penilaian prestasi pembekal.

Oleh itu satu sistem telah dibangunkan iaitu Sistem E-Ease Order dan telah digunapakai di Kolej Komuniti Nibong Tebal. Oleh itu satu kajian telah dijalankan bagi menilai keberkesanan sistem yang dibangunkan dari persepsi pihak pengurusan dan pentadbiran serta pihak tenaga pelajar atau pengguna. Kajian ini juga melihat kesannya kepada pembekal.

METODOLOGI KAJIAN

Bagi pelaksanaan kajian ini beberapa kaedah telah dipilih iaitu bagi pengumpulan data dan menganalisis data. Setiap kaedah mempunyai skop dan kelebihan yang tersendiri. Kajian ini adalah berbentuk sosial sains. Oleh itu terdapat beberapa kaedah yang biasa digunakan untuk kajian berbentuk sosial sains iaitu soalselidik, temubual dan kajian kes. Rajah 1 di bawah adalah menunjukkan skop dan fokus untuk setiap kaedah yang dipilih



Rajah 1. Skop dan Fokus Bagi Kaedah Kajian Sosial Sains (Sumber: Fellow&Liu, 2003).

Berdasarkan Rajah 3.1 di atas didapati bahawa jika menggunakan kaedah soal selidik skop atau ruang lingkup kajian adalah luas tetapi fokusnya adalah kurang manakala jika menggunakan kaedah temubual skop dan fokus adalah sederhana atau seimbang. Bagi kaedah kajian kes pula skop dan fokusnya adalah sangat spesifik. Oleh itu kaedah yang dipilih adalah bergantung kepada tahap ruang lingkup dan fokus sesuatu kajian yang ingin dicapai dan dikupas. Bagi kajian ini dua kaedah dipilih untuk pengumpulan data iaitu temubual berstruktur dan kajian kes. Temubual berstruktur adalah temubual yang disertakan dengan soalan-soalan subjektif terbuka yang memerlukan penjelasan dan mengemukakan pendapat. Pembinaan instrumen temubual berstruktur adalah diadaptasi dari bentuk-bentuk instrumen yang sedia ada terutama apa yang disarankan oleh Ku Amir Ku Daud (2012) yang juga digunakan sebagai data untuk SWOT analisis.

Penggabungan dua atau lebih kaedah dalam sosial sains adalah dikenali sebagai "triangulation". Ia juga dikenali sebagai "Mixed Method". Selain daripada boleh digunakan untuk pengumpulan data, ia juga digunakan untuk menganalisis data. Merujuk kepada Creswell & Plano Clark (2011); De Lisle, (2011), menyatakan bahawa triangulation adalah kaedah menganalisis sesuatu data kualitatif bagi meningkatkan kesahan interpretasi sesuatu data atau maklumat, mengatasi kelemahan kaedah tunggal dan bias serta membekalkan penjelasan yang lebih bermakna. Responden yang digunakan dalam kajian ini adalah melibatkan semua pihak yang terlibat

secara langsung dan tidak langsung dengan pengurusan pesanan bekalan /perkhidmatan bahan mentah iaitu Unit Kulineri, Unit Pengurusan dan Pentadbiran serta Unit Kewangan Kolej Komuniti Nibong Tebal.


Seterusnya bagi analisis data kajian ini adalah lebih menjurus kepada tiga skop kayu ukur yang utama iaitu dari aspek kualiti, masa dan kos disamping menggunakan SWOT analisis untuk mengetahui tahap keberkesannya iaitu dari aspek kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman. Pemilihan ini diselaraskan dengan pernyataan Ku Amir Ku Daud (2012) bahawa kuadran kekuatan dan kelemahan boleh dirujuk kepada situasi di persekitaran dalaman organisasi dan kuadran peluang dan ancaman pula merujuk kepada keadaan persekitaran luaran organisasi. Selain daripada itu, data yang dikumpul dan di analisis adalah merujuk kepada situasi sebelum dan selepas sistem E-Ease Order dibangunkan dan di aplikasi di organisasi tersebut kerana kajian ini adalah berbentuk persepsi.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Setelah kajian dijalankan beberapa dapatan telah diperolehi yang memfokuskan kepada tiga kayu ukur yang utama iaitu kualiti, masa dan kos.

Aspek Kualiti

Pembangunan sistem ini membantu di dalam mencapai KPI organisasi iaitu penerapan konsep Lean Management. Lean management adalah konsep menerapkan konsep penjimatan. Ini kerana melalui sistem ini pihak pengurusan dapat memantau dan mengetahui tentang kedudukan semasa pembekalan barangan atau item, kedudukan baki kewangan yang diperuntukan berdasarkan sebut harga serta kuantiti stok sedia ada dan yang belum dibekalkan. Selain daripada itu melalui sistem ini pihak pengurusan dan pentadbiran dapat mengetahui tentang keperluan penggunaan sesuatu item atau barangan tersebut selari dengan silibus pembelajaran. Berikut adalah keputusan kajian berkaitan dengan perkara tersebut (Rujuk Rajah 2)




Rajah 2. Nilai Kontrak dan Bilangan Item Kontrak Bahan Mentah.

Berdasarkan keputusan tersebut berlakunya penjimatan dalam harga kontrak iaitu sebanyak RM 3000 atau 1.6% pengurangan kadar harga kontrak tahun 2018. Begitu juga dengan bilangan kuantiti item barang mentah yang dimasukkan di dalam kontrak bekalan bahan mentah iaitu pengurangan sebanyak 28 item berbanding tahun 2018 iaitu 500 item. Ini adalah berdasarkan kepada kadar keperluan item bahan mentah yang direkodkan dalam Sistem E-Ease Order. Pencapaian dari aspek KPI lean Management pula pada tahun 2019, organisasi telah mencapai

Perspektif Pihak Pengurusan dan Pengguna Tentang Sistem E-Ease Order dari Aspek Kos, Kualiti dan Masa di dalam melancarkan Sistem Pengurusan Kontrak


100% berbanding pada tahun sebelumnya sekadar 30%. Berikut adalah paparan dalam Sistem E-Ease Order yang menunjukkan paparan yang digunakan untuk memantau perkara tersebut. (Rujuk Rajah 3)



Rajah 3. Paparan Perisian Sistem E-Ease Order.

Aspek Masa

Bagi aspek masa pula semua responden menyatakan perisian ini sangat efektif kerana tidak perlu menaip nama item, spesifikasi unit item boleh dijelaskan melalui ruangan catatan jika tidak sama dengan unit di dalam kontrak untuk diselaraskan serta boleh dihantar terus secara dalam talian. Oleh itu ia dapat mengurangkan kesilapan dari segi membuat pesanan dan penghantaran item dari segi unit kuantiti, spesifikasi jenama dan juga pesanan item yang tidak termaktub di dalam kontrak. Masa yang diambil untuk mengisi borang pesanan juga dapat dikurangkan dari 30 minit kepada 10 minit. Ini kerana pengguna tidak perlu lagi menulis setiap nama item, menyemak samaada item terdapat di dalam kontrak atau tidak dan juga seragam dari segi format borang simpanan. Selain daripada itu ia juga dapat menjimatkan penggunaan kertas. Rajah 4 menunjukkan keputusan kajian yang berkaitan dengan impak dari segi masa dan ketepatan di dalam membuat pesanan.



Rajah 4. Impak dari Aspek Masa dan Ketepatan.

Berikut adalah paparan dalam Sistem E-Ease Order yang menunjukkan paparan borang pesanan yang di buat serta fleksibiliti untuk membuat perubahan pesanan (Rujuk Rajah 5). Dengan adanya sistem ini ia dapat mempercepatkan proses membuat pesanan serta mengurang kesilapan yang berlaku.

Senarai nama pensyarah, kelas dan sibus yang di kod kan

Kod item yang perlu diisi untuk meniana nama item dan unit

Rajah 5. Paparan Bagi Pengisian Borang Pesanan.

Aspek Kos


Bagi aspek kos pula, sistem ini dibangunkan dengan menggunakan Mikrosft Excel dan dipertingkatkan lagi capaian penggunaannya dengan penggunaan Google Drive. Oleh itu tiada kos digunakan untuk penghasilan sistem ini. Seterusnya jika diperhalusi tentang penggunaan sistem ia membantu di dalam membuat pemantauan perbelanjaan mengurus iaitu duit objek OS25000 yang berkaitan dengan pembekalan bahan mentah. Berdasarkan pada Rajah 2 terdapat pengurangan kadar sebutharga atau kontrak untuk penggunaan bahan mentah iaitu dari RM184000 kepada RM181000 iaitu terdapat penjimatan kos sebanyak RM3000. Aspek ini mungkin dapat dipertingkatkan lagi dengan sistem ini dimasukkan dalam Google Drive di mana pihak pengurusan dan pentadbiran, pihak Unit Kewangan dan pengguna dapat membuat pemantauan secara terus dan real time berkaitan dengan baki kedudukan kewangan sebutharga, baki pesanan yang boleh dibuat dan kedudukan kuantiti item yang telah dibuat pesanan bagi mengelakkan stok berlebihan. Oleh itu penjimatan yang lebih mampan lagi dapat dilaksanakan.

Aspek Keberkesanan Sistem E-Ease Order

Seterusnya bagi aspek keberkesanan Sistem E-Ease Order analisis SWOT digunakan bagi mengukur tahap keberkesanan sistem yang dibangunkan. Jadual 2 di bawah menunjukkan keputusan analisis SWOT yang dibuat.

Jadual 2 SWOT Analisis bagi Sistem E-Ease Order

Perkara	Keterangan
Kekuatan (<i>Strength</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai kekuatan dari segi mempercepatkan masa pengisian borang pesanan di mana pengguna hanya perlu memasukkan kod item yang akan dilaksanakan secara automatik atau <i>auto generate</i> di dalam borang pesanan. • Ia juga dapat mengurangkan kesilapan dari segi pesanan item luar kontrak dan kesalahan menaip nama item. • Proses dan masa penyemakan juga dapat dipercepatkan kerana senarai item telah diselaraskan dengan senarai yang terdapat di dalam sebut harga. • Kawalan dan penjimatan juga dapat dilaksanakan kerana terdapatkan paparan kedudukan semasa baki pesanan yang boleh dibuat, baki duit yang boleh dibelanjakan untuk sebutharga tersebut dan baki kuantiti item yang boleh dibuat pesanan. • Sistem ini fleksibel untuk diubah oleh pemilik sistem dengan perlaksanaan ketetapan seperti kebenaran untuk capaian melalui kata kunci, pemadaman ruang yang tidak diperlukan serta menaiktaraf sistem jika terdapat perubahan di masa akan datang. Ini kerana pangkalan datanya adalah menggunakan Microsoft Excel. • Sistem ini juga dapat memantau prestasi pembekal dengan diwujudkan paparan tarikh penghantaran <i>Delivery Order</i> (DO) untuk diisi dan disemak di dalam sistem.
Kelemahan (<i>weaknesses</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • Sistem ini bergantung kepada capaian penggunaan internet namun boleh juga dilaksanakan secara <i>stand alone</i> • Memerlukan <i>interface</i> yang lebih menarik jika ingin dikomersilkan serta dapat meningkatkan tahap mesra pengguna.
Peluang (<i>Opportunity</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • Sistem ini boleh diperkembangkan kepada penggunaan yang lebih meluas kepada institusi-institusi lain yang menguruskan sebutharga melibatkan bilangan item yang banyak, kuantiti unit yang pelbagai di dalam pasaran seperti paket, kg, hirisan dan lain-lain lagi.
Ancaman (<i>Threat</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • Memerlukan kerjasama semua pihak di dalam mengisi maklumat di dalam Sistem E-Ease Order. Kelewatan pengisian maklumat menyebabkan paparan yang ditunjukkan tidak menggambarkan keadaan semasa. • DO daripada pembekal adalah sangat penting untuk kesahan data dalam sistem ini. Namun pengguna di organisasi dapat membuat semakan dengan merujuk kepada borang pesanan yang dibuat di dalam sistem • Kelewatan penerimaan DO dan invois adalah indikator yang boleh digunakan untuk menilai prestasi pembekal



Rajah 6. Graf Radar Sistem E-Ease Order.

Bagi Rajah 6 menunjukkan graf radar penilaian keseluruhan kepada Sistem E-Ease Order yang dianalisis dengan menggunakan kaedah SWOT dan dibuat skala mengikut aspek kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman.

KESIMPULAN

Kesimpulan yang dapat dibuat ialah dari perspektif pengurusan dan pentadbiran ia lebih memfokuskan kepada penjimatan, pengurusan kewangan yang baik, ketelusan di dalam menguruskan perolehan bekalan/ perkhidmatn. Bagi pihak pelaksana atau pengguna pula lebih kepada ketepatan dan kelancaran proses penerimaan bekalan mengikut spesifikasi yang ditetapkan bagi melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu Sistem E-Ease Order ini sangat baik untuk diaplikasikan sebagai medium untuk menguruskan proses membuat pesanan dan penerimaan perolehan bekalan/perkhidmatan bekalan bahan mentah bagi program kuliner yang melibatkan banyak item dengan pelbagai unit ukuran kuantiti. Berdasarkan kepada dapatan kajian, boleh disimpulkan bahawa sistem ini amat baik untuk diaplikasikan di institusi yang menguruskan perolehan bekalan/perkhidmatan yang melibatkan item yang banyak dengan spesifikasi yang pelbagai. Ini kerana ia banyak memberi kelebihan kepada organisasi dalam mencapai pengurusan Perolehan Bekalan/ Perkhidmatan kerajaan yang berkesan. Selain daripada itu ia juga boleh digunakan untuk mengawal dan memantau perbelanjaan kewangan yang melibatkan sebutharga serta membantu di dalam membuat penilaian terhadap pembekal yang menyediakan perkhidmatan tersebut secara telus. Sistem ini juga boleh ditambahbaik dengan memperbaiki kelemahan yang ada serta boleh diaplikasikan di institusi-institusi yang lain.

RUJUKAN

- Aizzat Mohd. Nasurdin, Intan Osman & Zainal Ariffin Ahmad. 2006. Pengantar Pengurusan. Universiti Sains Malaysia: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd
- Creswell, J. W & Plano Clark, V. L. (2011). Designing and conducting mixed methods research. (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications Ltd.
- De Lisle, J. (2011). The benefits and challenges of mixing methods and methodologies: Lessons learnt from implementing qualitatively led mixed methods research designs in Trinidad and Tobago. *Caribbean Curriculum*, 18, 87-120
- Fuller, L.L. & Perdue, R.W. 1936. The reliance interest in contract damages. *Yale Law Journal* 46(1): 373-420

Perspektif Pihak Pengurusan dan Pengguna Tentang Sistem E-Ease Order dari Aspek Kos, Kualiti dan Masa di dalam melancarkan Sistem Pengurusan Kontrak

Ku Amir Ku Daud (2012), Analisis SWOT, Unit Pembangunan Korporat, UNIMAP, <https://www.scribd.com/doc/99124085/Analisis-SWOT-1>- accessed 9/2/2020

Malaysian Productiviti Centre (2018), Bengkel Pemahaman Tatacara Perolehan Bekalan/Perkhidmatan Kerajaan

Ong Tze Chin, Sakina Shaik Ahmad Yusoff, Pengurusan Kontrak Melalui Teori Remedi, Jurnal Pengurusan 51(2017) 79 – 86

Oldcorn, R. 1988. Management: Skills and Functions. London: Pan Books Ltd

Pekeliling Perbendaharaan Bil 5, 2009, Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan